

→ BISNES

BERSAMA INVESTKL @ INVESTKL PEMACU GREATER KL

Greater KL hab serantau syarikat global



Md Riyadh Dahalan
Ketua Khidmat Pelabur, InvestKL

Pembangunan ekonomi berdasarkan perkhidmatan memang dipacu aktiviti ekonomi di bandar raya kerana di situah tertumpu tenaga kerja mahir. Industri perkhidmatan menjana margin pendapatan lebih tinggi berbanding industri perusahaan atau komoditi.

Sehingga 2015, hasil aktiviti yang dijana di kawasan Greater KL menyumbang 30 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.

Justeru, Greater KL di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), dikenal pasti antara pemacu aktiviti ekonomi yang berpotensi untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Greater KL, seperti bandar raya dan metropolis terkemuka dunia adalah magnet pusat operasi multinasional. Kehadiran pejabat serantau MNC jelas membawa manfaat dan kesan positif kepada landskap serta ekosistem Greater KL (terutama dari segi kolaborasi inovasi dan aliran tunai ke sistem ekonomi tempatan).

Impak positif hasil pelaburan MNC turut dapat dilihat melalui pertumbuhan pasaran hartanah di Kuala Lumpur dan Selangor melalui penyewaan ruang pejabat.

Bertapakannya MNC di Greater KL turut mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi bagi rakyat dengan impak positif seperti meningkatkan tahap pendapatan perkapita dan jumlah hasil pembayaran cukai. Dalam perancangan ETP bagi Greater KL, 200,000 pekerjaan baharu diwujudkan menjelang 2020.

Sebagai pusat serantau, jenis pekerjaan yang dihasilkan juga bersifat serantau. Contohnya, juru-audit bukan sahaja bertanggungjawab

wab untuk tugas audit di pusat itu, tetapi juga di lokasi syarikat di seluruh rantau.

Justeru, tahap gaji yang dibayar kepada juru-audit di syarikat MNC berpadanan dengan peranan yang dipikul.

InvestKL tarik pelaburan

Peranan InvestKL dalam menarik pelaburan ke Greater KL tertumpu kepada usaha meyakinkan pembuat dasar MNC bahawa Greater KL menawarkan ekosistem penyampaian bertaraf dunia, mempunyai tenaga kerja mahir boleh bertutur dalam pelbagai bahasa, mempunyai persekitaran perniagaan mesra pelabur dan tahap daya huni yang tinggi.

Sehingga kini, InvestKL menarik lebih 50 multinasional ke Greater KL yang menawarkan lebih 7,000 pekerjaan bernilai tinggi. Kebanyakan multinasional ini berasaskan industri minyak, gas, kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (IT).

Sebagai contohnya, Kuala Lumpur adalah pusat serantau Asia bagi syarikat kejuruteraan minyak dan gas Amerika Syarikat seperti McDermott.

Syarikat Perancis bertaraf global, Worldline telah membuka hab pengurusan dan inovasi bagi Asia Pasifik, manakala Colas Rail yang juga syarikat Perancis menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab operasi serantau ASEAN.

IBM pula ada pusat penyampaian global di sini, manakala Honeywell menjadikan Greater KL pusat operasi serantau ASEAN.

Kewujudan multinasional ini bukan sahaja membuka lapangan pekerjaan baharu di Greater KL, malah menyumbang secara langsung dan tidak langsung kepada kitaran ekonomi negara.

Fakta nombor

50 SYARIKAT multinasional beroperasi di Greater KL ketika ini

200,000 PEKERJAAN ditawarkan di Greater KL pada 2020



Greater KL antara pemacu aktiviti ekonomi negara.

LPJ komited tambah baik operasi pelabuhan

Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) melaksanakan beberapa projek mega, termasuk membangunkan sistem pengurusan trafik pelabuhan (PTMS) bagi menambah baik operasi pelabuhan.

Pengurus Besarnya, Muhammad Razif Ahmad, berkata projek usaha sama dengan Persatuan Haulier Malaysia dan Depoh Kontena itu bagi membantu pengguna melaksanakan perancangan operasi penghantaran kontena ke pelabuhan dengan lebih teratur.

Katanya, LPJ juga sedang melaksanakan sistem pengurusan

trafik kapal (VTIMS) dengan kerjasama Pelabuhan Tanjung Pelepas yang dimulakan sejak tahun lalu dan kini diperluaskan ke perairan Pelabuhan Johor di Pasir Gudang.

VTIMS dijangka beroperasi Julai 2017

"VTIMS adalah projek usaha sama antara LPJ dengan Johor Port Bhd yang dijangka beroperasi sepegunya pada Julai tahun depan.

"Sistem ini merangkumi pengawasan radio detection & rading (RADAR), sistem pengenalan kapal automatik (AIS) dan stesen cuaca



Muhammad Razif

automatik (AWS) yang semua informasi ini penting bagi mengawal masuknya kapal serta lalu lintas maritim ke pelabuhan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Minggu Pelabuhan 2016 yang disempurnakan Pengerusi LPJ dan Lembaga Pelabuhan Johor Tanjung Pelepas, Datuk Abd Rahim Ramli di Persada Johor, di Pasir Gudang, semalam.

Program itu memasuki tahun ketiga penganjuran berlangsung selama enam hari bermula Sabtu lalu.

Razif berkata, menerusi sistem itu, aspek keselamatan pelabuhan dan perairan dapat diselia dengan baik memandangkan pembangunan pesat yang dilaksanakan di pesisir pantai sepanjang Had Perairan Pelabuhan khususnya.

"Jangan sampai kita hanya mampu melihat kargo lalu di depan mata tanpa memperoleh faedah kerana tidak mempunyai kemampuan untuk menerima kemasukan kargo disebabkan pembangunan pelabuhan tidak seiring dengan keperluan industri," katanya.